



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***STATUS HALAL ALKOHOL DALAM PRODUK KOSMETIK BERJENAMA
DI MALAYSIA***

NUR BAHIRAH BINTI BAHARUM

IPPH 2021 7



**STATUS HALAL ALKOHOL DALAM PRODUK
KOSMETIK BERJENAMA DI MALAYSIA**

Oleh

NUR BAHIRAH BINTI BAHARUM

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2021

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang dinyatakan daripada Universiti Putra Malaysia.

Copyright © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

STATUS HALAL ALKOHOL DALAM PRODUK KOSMETIK BERJENAMA DI MALAYSIA

Oleh

NUR BAHIRAH BINTI BAHARUM

Februari 2021

Pengerusi : Mohd Daud Awang, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Alkohol bukan sahaja terdapat dalam produk makanan dan minuman tertentu, bahkan merupakan bahan yang sering digunakan dalam produk kosmetik seperti minyak wangi, produk penjagaan kulit dan lain-lain. Alkohol haram digunakan jika bahannya adalah arak atau *khamar*. Sehubungan dengan itu, kajian ini meneliti status halal alkohol dalam produk kosmetik berjenama di Malaysia. Seterusnya daripada isu ini, timbul beberapa persoalan dalam kajian penyelidikan. Persoalan pertama ialah apakah penggunaan alkohol yang terdapat dalam produk kosmetik? Persoalan kedua apakah maksud arak menurut syarak? Persoalan ketiga apakah status alkohol dalam produk kosmetik berjenama di Malaysia? Persoalan keempat apakah jenis sebatian alkohol dan fungsi keselamatannya kepada pengguna? Kajian ini yang menggunakan reka bentuk penyelidikan kajian kualitatif dan melibatkan lapan orang pakar sains dan syariah sebagai informan kajian telah mencapai objektifnya. Pemilihan sampel kajian dilakukan secara rawak bagi produk-produk kosmetik yang dipilih. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini merangkumi temu bual dan pemerhatian bagi tujuan menganalisis data dan mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan lengkap. Kajian makmal dan temu bual separa juga dijalankan di Makmal Institut Penyelidikan Produk Halal untuk mengetahui keselamatan kandungan dan jenis alkohol yang terdapat dalam produk kosmetik.

Hasil kajian mendapati terdapat 13 sebatian alkohol yang telah dikenal pasti dalam sampel produk kosmetik iaitu *1,3-butanediol, 2-phenoxy ethanol, 1,2-pentanediol, octanol, ethanol, phenyl ethyl alcohol, benzyl alcohol, 2-propanol, benzene methanol, 1-hexanol, propylene glycol, isopropyl alcohol, dan citronellol*. Kesemua alkohol yang dikaji berfungsi sebagai agen pembersih dan bahan pelarut yang sesuai dan selamat digunakan ke atas kulit. Selain itu, status halal alkohol dalam produk kosmetik di Malaysia telah disokong oleh lapan informan yang mempunyai latar belakang syariah dan sains, iaitu alkohol yang terhasil bukan diproses secara pembuatan arak (*khamar*) maka ia dihalalkan.

Sebaliknya, sekiranya alkohol itu diproses daripada pembuatan arak maka ia diharamkan dalam Islam.

Kajian ini membuktikan bahawa produk kosmetik yang mengandungi alkohol adalah selamat digunakan oleh pengguna Islam sekiranya alkohol itu diproses melalui proses-proses tertentu iaitu semula jadi, penapaian, dan sintetik. Selain itu, penggunaan alkohol dalam produk kosmetik memberikan implikasi kepada masyarakat dalam aspek hukum halal dan haram. Dapatan kajian ini juga dapat meningkatkan pengetahuan pengguna Muslim terhadap hukum penggunaan alkohol yang terdapat dalam produk kosmetik.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

HALAL STATUS OF ALCOHOL IN COSMETIC PRODUCTS IN MALAYSIA

By

NUR BAHIRAH BINTI BAHARUM

February 2021

Chair : Mohd Daud Awang, PhD
Faculty : Human Ecology

Alcohol is used not only in certain food and beverage products but also in cosmetic products such as perfumes, skincare products and others. Alcohol is forbidden if the ingredients from *khamar*. Therefore, this study investigated halal status of alcohol in branded cosmetic products in Malaysia. The following questions arises from this study. The first question is regarding the use of alcohol in cosmetic products. The second question is what is the definition of *khamar* according to *syarak*. The third question is what is the halal status of alcohol in branded cosmetic products in Malaysia and the fourth question that arose is what is the types of alcohol compound and the function of its safety to the consumer. This study used a qualitative study research design involving eight scientists and shariah experts as informants and it had achieved its objectives. The selection of the study sample was done randomly for the selected cosmetic products. Data collection methods in this study include interviews and participatory observations to analyse data and obtain more regular and complete information. Lab experiments and partial interview were conducted in the laboratory of Halal Products Research Institute Universiti Putra Malaysia to contents the safety and types of alcohol in cosmetics products.

Results shows that 13 alcohol compounds have been identified in the sample. These alcohols are 1,3-butanediol, 2-phenoxy ethanol, 1,2-pentanediol, octanol, ethanol, phenyl ethyl alcohol, benzyl alcohol, 2-propanol, benzene methanol, 1-hexanol, propylene glycol, isopropyl alcohol, and citronellol. These alcohols are used as cleaning agents and solvents in cosmetic products and are suitable to be applied to the skin. Furthermore, from the shariah perspective, the status of alcohol in cosmetic products is permissible if the alcohol is derived from a non-*khamar* source. However, if the alcohol is derived from a *khamar* source, then it is considered haram. This view is supported by the eight informants from shariah and science backgrounds.

This study has proven that the use of alcohol in cosmetic products is safe for Muslim consumers as long as the alcohol is processed through certain processes, namely natural, fermentation, and synthetic. In addition, the use of alcohol in cosmetic products will have implications for society in the aspect of halal and haram laws. The study also provides researchers with the knowledge to help Muslim consumers in determining the type of alcohol found in cosmetic products in the future.



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Permurah Lagi Maha Mengasihi. Segala puji pujian hanya bagi Allah tuhan sekalian alam. Selawat serta Salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan tesis penyelidikan ini dengan jayanya walaupun terdapat pelbagai dugaan dan rintangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Mohd Daud bin Awang, selaku penyelia saya di atas kesabaran, dorongan, sokongan, nasihat, bimbingan yang diberikan dan banyak membantu untuk menjayakan penyelidikan ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik yang berjaya. Tidak dilupakan juga kepada Prof. Madya Dr. Siti Salwa binti Abd Gani dan Cik Syariena Binti Arshad yang telah banyak memberi komen dan membantu dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada wakil Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Hannan MediSpa kerana memberi kebenaran kepada saya untuk melaksanakan kajian ini. Ucapan terima kasih kepada staf Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) diatas penyediaan Makmal bagi menjalankan penyelidikan ini. Setinggi-tinggi sanjungan dan penghargaan saya tujukan kepada ibu saya Fatimah binti Abu Bakar, ahli keluarga dan rakan-rakan saya yang banyak memberi dorongan, peringatan, doa dan bantuan sehingga penyelidikan ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya hargai dan diingati sehingga sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Semoga penyelidikan ini dapat memberikan ilmu yang bermanfaat kepada generasi yang akan datang.

Sekian, Terima Kasih.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyelesaian Tesis adalah seperti berikut:

Mohd Daud bin Awang, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Siti Salwa binti Abd Gani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pertanian
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Syariena binti Arshad

Pegawai Penyelidik
Institut Penyelidikan Produk Halal
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH BINTI MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 09 September 2021

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan intergrity ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: _____

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
KELULUSAN	vi
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI ISTILAH	xvi
BAB	
1	
PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Takrifan Istilah	6
1.6.1 Halal	6
1.6.2 Alkohol	7
1.6.3 Produk Kosmetik	7
1.7 Kerangka Konseptual	8
1.8 Rumusan	9
2	
KAJIAN LITERATUR	10
2.1 Pengenalan	10
2.2 Definisi Arak dan Alkohol	10
2.2.1 Arak	10
2.2.2 Alkohol	12
2.3 Jenis Alkohol	13
2.4 Alkohol dan Fungsi dalam Perubatan	16
2.5 Isu Alkohol dan Kaedah penetapan Hukum Halal dan Haram	19
2.6 Rumusan	23
3	
METODOLOGI KAJIAN	24
3.1 Pengenalan	24
3.2 Rekabentuk Kajian	24
3.3 Lokasi Kajian	25
3.4 Pemilihan Sampel	25
3.5 Instrumen Kajian	26
3.5.1 Temubual	26
3.5.1.1 Latar Belakang Informan	27
3.5.2 Kajian Makmal dan temubual	

	separa	28
	3.5.3 Pemerhatian Turut Serta dan Analisis menggunakan <i>Gas Chromatography-Mass Spectrometer</i> (GC-MS)	28
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	30
3.6.1	Prosedur Pengumpulan Data Melalui Kajian Makmal dan Temubual Separa	31
3.6.2	Prosedur Pengumpulan Data Melalui Pemerhatian Turut serta Prosedur	32
3.6.3	pengumpulan data melalui Temubual	32
3.7	Rumusan	32
4	DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA	34
4.1	Pengenalan	34
4.2	Tema-tema Kajian	34
4.3	Persoalan Pertama (Objektif Pertama): Mengkaji Penggunaan Alkohol dalam Produk Kosmetik	35
4.3.1	Alkohol Sintetik	35
4.3.2	Alkohol Semulajadi	37
4.3.3	Alkohol Penapaian	38
4.4	Pesoalan Kedua (Objektif Ketiga): Mengenalpasti Status Halal Alkohol dalam Produk Kosmetik Berjenama	41
4.4.1	Hukum Pembuatan alkohol Dalam Produk Kosmetik	41
4.5	Pesoalan Ketiga (Objektif Keempat): Mengenalpasti Kehadiran alkohol dalam Produk Kosmetik di Malaysia menepati Standard Alkohol dan keselamatan bahan	44
4.5.1	Analisis Produk Kosmetik Kromatografi Gas-Jisim Spektrometri atau <i>Gas Chromatography-Mass Spectrometry</i> (GC-MS)	44
4.5.1.1	Kromatogram bagi etanol Tulen dan asetonitri	46
4.5.1.2	Kromatogram bagi setiap sampel iaitu toner, pembersih muka, krim dan penanggal solekan	48
4.5.1.3	Sebatian alkohol dalam toner, pembersih muka, krim dan penanggal solekan	53
4.5.2	Mengenalpasti tahap keselamatan alkohol dalam	54

	produk kosmetik	
4.6	Perbahasan Kajian	64
4.6.1	Kajian Syariah Alkohol Kosmetik	64
4.7	Rumusan	66
5	RUMUSAN DAN KESIMPULAN	67
5.1	Pengenalan	67
5.2	Rumusan Kajian	67
5.3	Limitasi Kajian	70
5.4	Cadangan Untuk Masa Hadapan	71
5.5	Kesimpulan	72
	RUJUKAN	74
	LAMPIRAN	82
	BIODATA PELAJAR	90
	SENARAI PENERBITAN	91

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Senarai Informan Temubual Bidang Syariah	27
3.2	Senarai Informan Temubual Bidang Sains	28
3.3	Pengiraan Persedian	30
4.1	Jenis Alkohol dalam <i>toner</i> bagi lima Produk Kosmetik yang berbeza	54
4.2	Jenis Alkohol dalam Pembersih Muka bagi lima Produk Kosmetik yang berbeza	58
4.3	Jenis Alkohol dalam Produk Kosmetik Alia	60
4.4	Alkohol dalam Penanggal Solekan bagi Produk Kosmetik Simple	62

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Garis Panduan Kajian	8
3.1	Proses Kajian	25
3.2	<i>Gas Chromatography-Mass Spectrometer</i> (GC-MS)	29
4.1	Ringkasan Dapatan Kajian bagi Persoalan Pertama	41
4.2	Ringkasan Dapatan Kajian bagi Persoalan Kedua	44
4.3	Lengkung Tentukuran atau <i>Calibration Curve</i> dengan kepekatan 5, 10, 100, 250, 500 dan 50000 ppm	46
4.4	Nilai Kawasan Puncak dan Masa Penahanan bagi Etanol dan Asetronitril (ACN)	46
4.5	Nilai ion Terfragmentasi bagi Etanol dan Asetronitril (ACN)	47
4.6	Facial Toner Alia	48
4.7	Toner Safi Rania Gold	48
4.8	Fairness Toner Clean & Clear	49
4.9	Facial Toner Simple	49
4.10	Facial Toner Syahirah	50
4.11	Refreshing Facial Wash Simple	50
4.12	Facial Cleanser Syahirah	51
4.13	Pembersih Muka Alia	51
4.14	Pore Care Cleansing Alia	52
4.15	Facial Wash Simple	52
4.16	Krim Malam	53
4.17	Krim Siang	53
4.18	Hydrating Cleansing Oil (Makeup Remover)	54
4.19	Ringkasan Dapatan Kajian bagi Persoalan Ketiga	64

SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
UM	Universiti Malaya
KUIS	Kolej Universiti Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
IPPH	Institut Penyelidikan Produk Halal
MAWIP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
IFANCA	Islamic Food and Nutrition Council of America
NPRA	National Pharmaceutical Regulatory Agency
NIST	National Institute of Standards and Technology
GC-MS	Gas Chromatography-Mass Spectrometry
HPLC	High Performance Liquid Chromatography
KCKT	Kromatografi Cair Kinerja Tinggi
IRMS	Isotope-ratio Mass Spectrometry
FDA	Food and Drug Administration

SENARAI ISTILAH

Bil		Terjemahan
1	Halal	Dibolehkan melakukan sesuatu oleh Undang-undang Islam
2	Haram	Ditegah atau tidak dibenarkan oleh Islam
3	Mubah	Suatu perkara apabila dikerjakan tidak akan mendapat dosa dan tidak mendapat pahala
4	Makruh	perkara yang tidak digalakkan dan dibenci pengambilan oleh Allah
5	Masbuh	perkara yang menimbulkan keraguan atau disyaki
6	Taklif	Hukum Kewajipan
7	Syirik	Kepercayaan yang menganggap bahawa Tuhan bersekutu
8	Syahadah	Pengakuan
9	Kufur	Tidak percaya dan tidak bersekutu kepada Allah
10	Ijmak	Kesepakatan pendapat antara alim Ulama berhubung dengan sesuatu masalah
11	Qiyas	Menyamakan hukum sesuatu perkara yang baharu yang belum ada pada masa sebelumnya dengan perkara sedia ada kerana persamaan sebab dan manfaat
12	Muslim	orang lelaki yang beragama Islam
13	Islam	Agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW kepada seluruh manusia
14	Syarak	hukum yang bersandarkan ajaran Islam; hukum Islam
15	Syariat	Hukum Agama
16	<i>Khamar</i>	Minuman keras yang dibuat daripada anggur
17	Ulamak	Orang yang ahli dalam hal atau Pengetahuan Agama Islam

18	Fuqaha	Jamak bagi Fiqih, orang yang ahli dalam Ilmu Fiqah
19	Fiqh	Mengetahui dan memahami
20	Fatwa	Keputusan tentang sesuatu hukum Agama belum diputuskan berdasarkan nas al-Quran, hadis dan sumber hukum lain
21	Nadwah	Mesyuarat
22	<i>Takhammur</i>	Proses Penapaian pada eringkat pertama
23	<i>Takhallul</i>	Proses penapaian pada peringkat kedua (penukaran)
24	<i>Al-As'lu fi ibahah</i>	Asal pada sesuatu adalah harus
25	Halalan Tayyiban	Sesuatu perkara yang dibenarkan oleh hukum syarak
26	Dalil	Bukti daripada Al-Quran dan Hadis
27	<i>Halla, yahillu, hilan, Wahalalan</i>	Nama khas, kata am, Kata Kerja
28	Maknawi	Tidak dapat dilihat oleh pancaindera
29	Hissi	Dapat dilihat oleh pancaindera
30	Maqasid	Pegangan
31	<i>Al-Kuhul</i>	Alkohol
32	<i>Al-ghol</i>	Alkohol
33	<i>Taghtiyah</i>	Penutupan
34	<i>Mukhalatah</i>	Percampuran
35	<i>Taghayyur</i>	Perubahan
36	<i>Idra'k wa bulu'gh alwan</i>	Cukup masa
37	<i>Tark</i>	Meninggalkan
38	<i>Rijs</i>	Najis
39	<i>Istihalah</i>	Pertukaran

40	<i>At-Taharah</i>	Bersih
41	<i>Usul-Al-Fiqh</i>	Ilmu tentang kaedah-kaedah mengistinbat hukum syarak
42	<i>Ijtihad</i>	Perbuatan mengkaji
43	<i>Jama'ie</i>	Aktiviti berkumpulan
44	<i>Inqilabul ainnajasahila 'ainukhra</i>	perubahan dari suatu bahan menjadi produk baru adalah haram
45	<i>khinzir</i>	sejenis haiwan



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Isu halal dan haram merupakan antara isu terpenting sehingga menjadi tumpuan di Malaysia berikutan kaitan rapatnya dengan urusan ibadah dan keperluan kehidupan seharian setiap umat Islam. Umat Islam perlu mengetahui hukum-hakam Islam terhadap sesuatu barangan dan perkhidmatan dalam kehidupan seperti halal, masbuh, makruh, mubah, dan haram. Setiap hukum tersebut menjadi panduan kepada masyarakat dalam melakukan sesuatu perkara untuk mengelakkan diri daripada terjerumus dalam perkara yang haram.

Konsep utama Islam yang perlu dititikberatkan dalam isu produk barangan dan perkhidmatan ialah halal. Halal bermaksud sesuatu perkara dibenarkan atau tidak terlarang pengambilannya dalam Islam. Seperti yang dinyatakan dalam al-Quran, setiap perkara yang suci dan bersih adalah halal. Masbuh bermaksud perkara yang menimbulkan keraguan atau syak. Jika sesuatu perkara itu diragui dan tidak pasti kebenaran atau larangannya menurut Islam maka ia dianggap masbuh. Selain itu, hukum makruh merujuk perkara yang tidak digalakkan atau dibenci pengambilannya oleh Allah. Mubah pula merupakan perkara yang apabila dikerjakan tidak akan mendatangkan dosa atau pahala kepada pelakunya. Akhir sekali, haram membawa maksud perkara yang dilarang atau ditegah pengambilannya menurut Islam kerana dalam al-Quran ada disebut perkara yang diharamkan sama sekali bagi umat Islam antaranya ialah bangkai, darah, babi dan minuman yang memabukkan. Sebagai panduan bagi umat Islam, al-Quran, as-Sunnah, ijmak, dan qiyas merupakan sumber utama Syariah. Justeru, umat Islam dapat memahami dengan jelas tentang isu-isu semasa hasil pengeluaran fatwa berdasarkan sumber-sumber tersebut.

Dalam menjelaskan konsep halal dan haram dari perspektif Islam, Dr. Yusuf Al-Qaradhawi menyatakan terdapat beberapa prinsip yang perlu diketahui iaitu setiap perkara itu pada asalnya adalah harus. Menurutnya, prinsip pertama yang diperkenalkan oleh Islam ialah setiap perkara bermanfaat yang dicipta oleh Allah SWT pada asalnya adalah harus. Tiada perkara yang haram melainkan yang telah dinyatakan pengharamannya menerusi nas sahih dan jelas oleh syarak. Prinsip kedua ialah Islam membataskan kuasa menghalalkan dan mengharamkan sesuatu perkara kerana ia bukan hak manusia sebaliknya adalah hak Allah SWT. Sesiapa yang melakukan sedemikian telah melanggar batasan sebagai hamba dan hak Allah menurut syariat.

Seterusnya, menghalalkan perkara yang haram termasuk dalam perbuatan dosa besar yang menyebabkan murtad dan kufur lagi jatuh syahadah ialah

mengharamkan perkara yang diharamkan oleh Allah SWT. Prinsip keempat iaitu mengharamkan yang halal akan mengakibatkan timbulnya kejahatan dan bahaya kerana ia merupakan hak Allah SWT sebagai pencipta yang memberikan nikmat kepada manusia. Hanya Dia (Allah) yang berhak menetapkan pembebanan hukum (*ta'kid*) dan syiar-syiar ibadah. Prinsip terakhir ialah apabila terdapat sesuatu perkara yang halal maka tidak perlu memilih yang haram iaitu antara kebaikan Islam yang memudahkan manusia ialah, Islam tidak akan mengharamkan sesuatu perkara melainkan ia digantikan dengan perkara yang lebih baik yang dapat memenuhi keperluan dalam hal berkenaan.

Islam tidak melarang seseorang untuk berhias terutamanya bagi kaum wanita mahupun lelaki. Namun ia tidak perlulah berlebih-lebihan malah hanya sekadar perlu sahaja. Kecantikan ialah suatu perkara subjektif yang menjadi idaman setiap wanita. Tidak dinafikan begitu banyak wanita di zaman moden era globalisasi ini yang lebih mementingkan kecantikan paras rupa berbanding keindahan jiwa. Mereka sanggup menghabiskan sejumlah besar wang ringgit untuk mendapatkan alat kecantikan dan kosmetik supaya dapat menampakkan kelainan paras rupa dan memiliki kulit yang cerah dan cantik. Maka tidak hairanlah jika seseorang itu ingin kelihatan lebih cantik dan bergaya setiap kali memulakan kehidupan harian.

Firman Allah SWT "*Wahai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah setiap (memasuki) masjid. Makan dan minumlah, tapi janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan*" (Surah Al-A'raaf, 7:31).

Sejak kebelakangan ini, kebanyakan individu menggunakan produk kosmetik berjenama yang terdapat dalam pasaran kerana kemampuannya untuk menghasilkan kecantikan, memutihkan, menguatkan tulang, mengurangkan penuaan terhadap wajah dan sebagainya. Masalah berkaitan produk kecantikan yang dihadapi pengguna ialah mereka perlu mengetahui hukum bagi setiap produk yang digunakan. Namun begitu, perkembangan teknologi masa kini telah menghasilkan bahan yang semakin canggih dari semasa ke semasa sehingga menimbulkan kekeliruan kepada pengguna dalam memilih produk kosmetik yang lebih selamat.

Dewasa ini, alkohol banyak digunakan sebagai bahan aktif dalam produk kosmetik seperti minyak wangi, produk penjagaan kulit, losyen, dan lain-lain. Alkohol yang dicampurkan dengan beberapa bahan kimia lain dapat menghasilkan tekstur kulit yang lebih tegang dan licin. Apabila seseorang Muslim mendengar perkataan 'alkohol' biasanya mereka akan terbayangkan arak. Persepsi ini tidak tepat kerana alkohol hakikatnya tidaklah haram melainkan ia diambil daripada arak.

Menurut Al-Jawi et al. (2007), perkataan alkohol berasal daripada kalimah Arab iaitu *al-kuhul* yang bermaksud intipati iaitu cecair mudah terbakar dan

memabukkan yang terdapat dalam minuman keras dan lain-lain. Selain itu, Abdullah (2017) membahaskan bahawa alkohol yang dihasilkan untuk tujuan kosmetik bukanlah arak kerana penghasilannya melalui dua proses, iaitu:

- i. Proses kimia (*hydration of alkenes*) iaitu penghidratan alkena
Proses kimia ini menggunakan bahan daripada sumber minyak tanah iaitu hasil pemecahan gasolin ataupun hidrokarbon yang menghasilkan etena. Etena bersatu dengan air untuk menghasilkan alkohol.
- ii. Proses penapaian (*fermentation*)
Proses penapaian ialah proses anaerobik iaitu tindak balas tanpa kehadiran oksigen. Penggunaan alkohol dalam perubatan sudah banyak dibincangkan oleh sarjana (ahli fikah) Islam. Kebanyakan ulama menyatakan penggunaan alkohol dalam perubatan adalah makruh. Namun begitu, sarjana Islam semasa Dr. Yusuf Al-Qaradhawi menegaskan berubat dengan alkohol adalah harus dengan syarat mempunyai alasan yang munasabah dan diterima syarak.

Di samping itu, kajian Mahaiyadin dan Osman (2017) menyatakan bahawa alkohol ialah sejenis bahan kimia berasaskan metanol (kayu-kayan) atau etanol (biji-bijian) yang banyak kegunaannya antaranya dalam pelbagai produk ubat-ubatan, makanan, minuman ringan, dan kosmetik. Oleh itu, alkohol yang digunakan dalam produk kosmetik perlulah diketahui dengan lebih mendalam dan tepat mengenai zatnya sama ada bersih atau najis dengan merujuk kepada para ilmuan Islam dan ahli sains.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini memberikan penekanan yang mendalam terhadap status halal alkohol yang terdapat dalam produk kosmetik khususnya produk berjenama di Malaysia dalam memastikan ia selamat untuk digunakan oleh pengguna Islam

1.2 Penyataan Masalah

Pada dasarnya, alkohol merupakan zat yang suci kecuali apabila diproses melalui pembuatan arak maka ia dianggap najis dan haram digunakan. Oleh itu, kebanyakan umat Islam mempunyai kefahaman bahawa alkohol yang digunakan dalam produk kecantikan adalah haram kerana sama seperti *khamar* (arak). Menurut Jamaluddin et al. (2011), terdapat dua jenis penggunaan alkohol:

- (i) Alkohol Dalaman (*internal*) atau (*unnatured alcohol*) tidak dinyah-aslikan seperti bahan minuman iaitu minuman birkarbonat atau bahan campuran dalam makanan, manakala,
- (ii) Alkohol luaran (*external*) atau (*denature alcohol*) dinyah-aslikan melibatkan sapuan seperti minyak wangi, krim, semburan dan sebagainya.

Penyelidik melihat perbincangan tentang status halal alkohol dalam produk kosmetik perlu diketengahkan. Kajian tentang penggunaan alkohol dalam produk kosmetik perlu dijalankan dengan lebih mendalam dengan menitikberatkan proses penghasilan alkohol iaitu secara semula jadi, penapaian, atau sintetik. Menurut kajian Noor et al. (2018), alkohol yang diproses secara penapaian atau fermentasi melalui perubahan kimia yang disebabkan oleh tindak balas yis atau bakteria untuk menghasilkan minuman, makanan, dan kosmetik. Namun, tidak semua alkohol yang digunakan dalam produk kosmetik berasal daripada arak yang melalui proses penapaian untuk membuat minuman yang memabukkan. Malah dengan teknologi hari ini penghasilan alkohol secara kimia telah dijalankan secara meluas bagi kegunaan pelbagai industri.

Persoalannya, sebahagian pengguna Islam terutamanya wanita masih keliru dan sukar memahami berkenaan status halal produk kosmetik berjenama di Malaysia. Tanpa pengetahuan yang mendalam, pengguna Islam tidak dapat mengenal pasti status halal alkohol yang digunakan dalam produk kosmetik secara jelas. Beberapa pandangan mengharuskan penggunaan alkohol dalam kosmetik. Contohnya, Jamaludin et al. (2011) menyatakan terdapat beberapa pandangan yang telah dikeluarkan oleh Nadwah Fiqh Perubatan iaitu bahan alkohol tidak bersifat najis dari segi hukum syarak. Oleh itu, penggunaan alkohol sebagai bahan pencuci kulit dan kecederaan, ubat-ubatan, dan pembunuh kuman bukanlah satu masalah. Begitu juga penggunaan alkohol dalam minyak wangi diharuskan atas sebab-sebab tertentu kerana alkohol tidak semestinya berasal daripada bahan yang diharamkan dalam Islam. Oleh itu, penyelidik telah mengambil inisiatif untuk mengenal pasti status halal alkohol dalam produk kosmetik berjenama di Malaysia. Ini bagi menjelaskan lagi persoalan hukum alkohol dan arak yang selalu dikaitkan oleh sebahagian masyarakat Islam di Malaysia.

Di samping itu, penyelidik ingin mengenal pasti kehadiran alkohol dalam produk kosmetik yang menepati standard alkohol dan keselamatan bahan ke atas kulit. Ini kerana halal bukan sahaja halal pada zat sesuatu tetapi juga pada tahap keselamatan pengguna. Kajian Shohaimi et al. (2018) menjelaskan alkohol dalam produk sediaan seperti ubat-ubatan luaran, kosmetik, dan pewangi adalah bahan pelarut tidak najis maka diharuskan penggunaannya sekiranya alkohol tersebut tidak dihasilkan melalui pembuatan arak. Berdasarkan kajian barat, Fatwa Majlis Ugama Indonesia membahaskan alkohol yang dihasilkan secara fermentasi bukan termasuk arak, ia alkohol yang halal dan selamat digunakan (Albab & Nurkhasanah, 2020).

Oleh itu, kajian ini adalah amat penting untuk meningkatkan pemahaman tentang status halal alkohol dalam produk kosmetik yang mencakupi kefahaman terhadap penghasilan alkohol dan juga keselamatan penggunaannya.

1.3 Persoalan kajian

Penyataan masalah memberikan gambaran umum mengenai status halal alkohol dalam produk kosmetik berjenama di Malaysia. Kajian ini mempunyai beberapa persoalan yang perlu dijawab oleh penyelidik iaitu:

1. Adakah terdapat penggunaan alkohol dalam produk kosmetik?
2. Apakah maksud arak menurut syarak?
3. Apakah status alkohol yang terdapat di dalam produk kosmetik?
4. Apakah jenis sebatian alkohol dan fungsi keselamatannya kepada pengguna?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan perbincangan di atas, objektif umum kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji penggunaan alkohol dalam produk kosmetik.
2. Mengetahui pasti definisi arak menurut pandangan syarak
3. Mengetahui pasti status halal produk kosmetik berjenama di Malaysia.
4. Mengetahui pasti kehadiran alkohol dalam produk kosmetik berjenama di Malaysia menepati standard alkohol dan keselamatan bahan.

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini penting untuk kepada masyarakat bagi mengetahui status alkohol dalam produk kosmetik, khususnya produk kosmetik yang berjenama supaya mereka menjadi lebih proaktif dalam memilih produk untuk tujuan yang bermanfaat. Kajian ini juga mempunyai beberapa peranan iaitu:

- Menggalakkan pengguna menggunakan produk kosmetik yang dijamin halal bagi menjamin kesejahteraan masyarakat Islam,
- Membantu meningkatkan keperihatinan masyarakat Islam mengenai status halal atau haram produk kosmetik,
- Memastikan status halal bagi produk kosmetik beralkohol dalam kalangan masyarakat di Malaysia,
- Memastikan penggunaan alkohol tidak memberi kemudharatan kepada pengguna.

Oleh itu, kajian ini dapat menyumbang idea dan membantu para penyelidik akan datang dalam menjalankan kajian terhadap isu halal alkohol dalam produk kosmetik dengan lebih mendalam bagi kesejahteraan hidup masyarakat di Malaysia khususnya umat Islam.

1.6 Takrifan Istilah

1.6.1 Halal

Kitab Al-Ta'rifat karya Al-Jujani dan Ali (1998) menjelaskan terdapat dua pengertian bagi 'halal' iaitu yang pertama membolehkan segala perkara yang memenuhi keperluan hidup seperti makanan, minuman, dan ubat-ubatan. Kedua, dibenarkan memanfaatkan sesuatu termasuk makan, minum, dan mengerjakan sesuatu yang telah ditentukan berdasarkan dalil. Selain itu, halal juga mempunyai maksud yang sama dengan mubah. Mubah atau harus bermaksud kebaikan adalah jalan yang dibebankan antara melakukan dan meninggalkan atau lebih difahami sebagai tidak dilarang mahupun digalakkan (Muhammad Salam, 1972).

Halal bermaksud perkara yang dibolehkan atau melakukan sesuatu mengikut undang-undang Islam. Wahab dan Azhar (2014) menjelaskan halal membawa maksud yang luas dan sinonim dengan tatacara hidup orang Islam yang menitikberatkan aspek *halalan tayyiban* iaitu kesucian, amalan kebersihan, dan kehidupan yang sihat. Perkataan halal itu sendiri berasal daripada kalimah Arab *halla*, *yahillu*, *hilan*, dan *wahalalan* yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syarak (Muhammad et al., 2008).

Halal dari segi bahasa adalah berlawanan dengan haram, manakala dari segi istilah ia ditakrifkan sebagai sesuatu yang harus iaitu perkara yang dibenarkan menurut syarak. Menurut Al-Qaradhawi, halal dari segi istilah adalah perkara yang diharuskan (dibolehkan) yang terlepas daripada sebarang ikatan ancaman jika melakukannya dan syariat (Allah) memberikan keizinan untuk melakukannya (Rosele et al., 2013).

Tuntutan untuk mencari yang halal dinyatakan dalam Surah Al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud:

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang bagi kamu.”

Di samping itu, Dr. Basri (2009) menyatakan pengertian halal dalam buku beliau *Isu-isu Fiqh Halal & Haram Semasa Jilid 1* iaitu menurut majoriti sarjana Islam silam, halal ialah perkara harus yang tiada dalil syarak yang mengharamkannya. Menurut Muchtar Ali (2016), istilah halal terkandung dalam al-Quran dan mempunyai beberapa konsep yang berbeza iaitu sebahagiannya berkaitan dengan makanan dan minuman. Perkataan halal banyak disebut dalam hadis Nabi Muhammad SAW. Selain itu, beliau juga menerangkan halal secara istilah

merujuk sesuatu perbuatan yang dibenarkan syariat untuk melakukannya. Dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk mengkaji status halal alkohol dalam produk kosmetik iaitu dari sudut hukum penggunaan alkohol menurut para sarjana Islam semasa.

1.6.2 Alkohol

Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (2017), definisi alkohol: 1. alkohol ialah cecair mudah terbakar dan memabukkan yang terdapat dalam minuman keras. 2. minuman keras; beralkohol mengandungi alkohol: jangan minum minuman ~ atau bergas; elakkan merawat luka dan calar dengan larutan. Istilah alkohol juga merujuk salah satu sebatian organik dalam kumpulan berfungsi alkohol, iaitu etanol yang merupakan komponen psikoaktif utama dalam arak dan menyebabkan mabuk (Najiha & Nadiah, 2014).

Berdasarkan kajian Bahagian Hab Halal JAKIM (2020), alkohol ialah satu siri organik yang terdiri daripada jujukan karbon (C), hidrogen (H), dan oksigen (O). Rumusan am bagi alkohol ialah R-OH, dengan R mewakili sebatian hidrokarbon atau kumpulan alkil (C_nH_{2n+1}) dan fungsi hidroksil (OH) terikat pada atom karbon. Terdapat beberapa jenis alkohol yang sering digunakan dalam produk seperti etanol, propilena glikol (*1,2-propanediol*), isopropanol (*2-propanol*), *xylitol*, *sorbitol*, gliserol, isomalt dan sebagainya. Alkohol juga mempunyai peranan tersendiri dalam industri makanan dan bukan makanan. Penghasilan alkohol dalam makanan adalah melalui proses fermentasi gula dan kanji tetapi melibatkan proses lanjutan dan penyulingan sehingga mencapai kepekatan etanol sebanyak 95–99 peratus (Zainal Abidin et al., 2016).

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tentang alkohol yang diproses dan dibuat daripada bahan yang selamat dan harus digunakan dalam produk kosmetik melalui proses-proses tertentu seperti semula jadi, penapaian, dan sintetik.

1.6.3 Produk Kosmetik

'Produk' ditakrifkan dalam *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (2017) sebagai sesuatu barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh kilang atau yang ditawarkan oleh institusi. Maksud 'kosmetik' pula menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Kedua* (2017) ialah alat solek atau bahan yang digunakan untuk mencantikkan rupa seseorang. Antara contoh produk kosmetik ialah pencuci muka, losyen kulit, krim muka, gincu, dan minyak wangi.


Kajian Noor Hidayah (2019) memberikan kosmetik takrifan yang lebih terperinci dan jelas iaitu bahan atau sediaan untuk digunakan di bahagian luaran badan manusia seperti kulit, rambut, kuku, bibir dan lain-lain yang bertujuan untuk

membersihkan, mewangikan, mengubah penampilan, menghilangkan bau badan, melindungi, dan mengekalkan tubuh badan dalam keadaan baik. Menurut pendapat Jaludin et al. (2018), kosmetik merujuk bahan atau sediaan yang dibuat untuk menyentuh bahagian luar badan seperti epidermis, rambut, kuku, bibir dan sebagainya dengan tujuan untuk membersihkan, mewangikan, mengubah penampilan, menghilangkan bau, dan melindungi kulit dengan lebih baik. Sehubungan dengan itu, Prof Dr. Nasaruddin (2014) menyatakan kosmetik ialah sesuatu yang harus diletakkan pada anggota badan manusia untuk melindungi kulit daripada terdedah kepada cahaya matahari. Selain itu, takrifan lain bagi kosmetik menurut pakar Jepun T. Mitsui (1997) ialah kosmetik merujuk suatu kegunaan yang dilakukan secara gosokan, percikan, atau penggunaan kepada tubuh badan untuk membersihkan, mencantikkan, dan mengekalkan kesihatan kulit.

Dalam kajian ini, produk kosmetik diistilahkan sebagai penentuan produk kosmetik yang mengandungi alkohol seperti Simple, Safi, Alia dan sebagainya adalah selamat dan halal untuk digunakan.

1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian ini dibentuk berdasarkan tiga objektif kajian yang dikemukakan pada peringkat awal kajian. Selain itu, kerangka konseptual ini dibina untuk memberikan gambaran dan garis panduan kepada penyelidik mengenai konsep kajian ini.



Rajah 1.1: Garis Panduan Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan garis panduan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik. Dalam kajian ini, penyelidik mengenal pasti status halal alkohol yang terdapat dalam produk kosmetik berjenama di Malaysia. Penyelidik membawa beberapa produk yang berkaitan ke makmal untuk dikaji dan dikenal pasti jenis alkohol yang terkandung menggunakan alatan yang bersesuaian dan melalui perbincangan dengan pakar sains yang mahir dalam bidang tersebut. Seterusnya, selepas pakar sains mengenal pasti jenis alkohol dalam produk kosmetik berkenaan, penyelidik mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam mengenai alkohol berdasarkan pandangan syariah dan fatwa Malaysia tentang

penggunaannya oleh umat Islam. Akhirnya, penyelidik mengenal pasti hukum dan keselamatan penggunaan alkohol dalam kosmetik bagi masyarakat Islam di Malaysia.

1.8 Rumusan

Penggunaan alkohol secara meluas dalam pelbagai produk menimbulkan kesukaran kepada umat Islam untuk menghindarinya. Dalam kajian ini, penyelidik meneliti dengan mendalam mengenai status halal alkohol dalam produk kosmetik di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga akan memberikan penjelasan yang mendalam mengenai alkohol. Penggunaan alkohol dalam produk kosmetik perlu diketahui tahap keselamatannya agar tidak memudaratkan dan halal bagi masyarakat beragama Islam. Oleh itu, umat Islam perlu berhati-hati dalam memilih produk kosmetik yang mengandungi alkohol agar dijamin halal dalam memastikan kehidupan yang sejahtera.

RUJUKAN

- A.Asmak, S. Fatimah, I. Huzaimah, A. H. K. and A. M. S. K. (2015). Is Our Medicine Lawful (Halal). *Journal of Scientific Research*, 23(3), 367– 373.
- A.Al-Bayati, A. D. J (2016). Comparative Study for the Effect of Fixative Material Type and Perfume Formulation Parameters on the Fixation time of Local Formulated Perfume with Brand Perfumes. *Eng. &Tech.Journal*,34(3), 636–647.
- Abdullah, D. F. (2017). *Ustaz, Apa Hukumnya?* Selangor: Publishing House Sdn Bhd.
- Achmad Mursyidi (2002). Alkohol Dalam Obat dan Kosmetika. *Jurnal Tarjih*, 4, 26-36.
- Al-Hasiri dan Sabib Ali (n.d). Al-Khamr. Mekah, h. 31.
- Albab, Q.F & Nurkhasanah. (2020). Penetapan Kadar Alkohol pada Kosmetik Menggunakan Metode Kromatografi Gas. *Journal of Halal Science and Research*. 1(1), 30-38.
- Alhassan, M., Lawal, A., Nasiru, Y., Suleiman, M., Safiya, A.M. & Bello, N. (2018).
- Extraction and Formulation of Perfume from Locally Available Lemon Grass Leaves. *ChemSearch Journal*, 9(2), 40 – 44.
- Al-Jawi, S. M. (2007). Alkohol Dalam Makanan, Obat dan Kosmetik: Tinjauan Fiqih Islam (Bahagian 2).
- Al-Jurani dan Ali bin Muhammad (1998). *Kitab Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Alina Abdul Rahim dan Siti Mashitoh Abdul (2014). The Uncertain Halal Status of Edible Products with Natural or Added Alcohol. *Jurnal Infad*.109-126.
- Ali, Muneer, & Rab, A. (2018). Legally Acceptable Process for Cosmetic Products: A Jurisprudencial Analytical Study. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(6), 83-88.
- Azmi, Asa, S. R., & Ghani, A. M. I. (2017). The concept of Halal and Halal food certification process in Malaysia: issues and concerns. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*.
- Baranowska, I., Wojciechowska, I., Solarz, N. & Krutysza, E (2014). Determination of Preservatives in Cosmetics, Cleaning agents and Pharmaceuticals using Fast Liquid Chromatography. 88-94.
- Batu, J. & Regenstein, M. J (2014). Halal Food Certification Challenges and Their Implications for Muslim Societies Worldwide. *International Periodical*

for *The Languages, Literature and History of Turkish or Turkic*. 9(11), 111-130.

- Behrenbruch, C. P. (2014). Patent Application Publication. 1(61).
- Cabaleiro, N., Calle, L. D. I., Bendicho, C., & Lavilla, I. (2012). Enzymatic single-drop microextraction for the assay of ethanol in alcohol-free cosmetics using microvolume fluorospectrometry detection. *Journal Analytica Chimica Acta*, 733, 28-33.
- Cafasso, J. (2019). Cetearyl Alcohol: What You Need to Know About This Common Ingredient.
- Chauhan, A. (2014). GC-MS Technique and its Analytical Applications in Science and Technology. *Journal of Analytical & Bioanalytical Techniques*, 5(6).
- Christina Burnett (1989). Safety Assessment of Polyvinyl Alcohol as Used in Cosmetics. *Journal Cosmetic Ingredient Review*. 67-92.
- Cosmetics Info <https://cosmeticsinfo.org/>.
- Dato' Seri Dr Haji Harussani Haji Zakaria (2006). Halal Haram. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
- Dehaven, C. (2014). Delivery of Cosmetic Ingredients to the Skin. *Journal Science of Skincare*. 1-4.
- Dr. Basri bin Ibrahim Al-Hasani (2009). Isu-isu fiqh Halal & Haram Semasa Ilmu Akidah, syariah dan Akhlak Jilid 1. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Dr. Fatimah binti Salim (2020). Keperluan Pembersih Tangan 'Hand Sanitiser' Untuk Nyahjangkitan Kuman <https://www.majalahsains.com/keperluan-pembersih-tangan-hand-sanitiser-untuk-nyahjangkitan-kuman/> pada 2 Februari 2020.
- Dr. Muhamad Rafiqi Hehsan (2015). Q & A Fiqh Perubatan. Selangor: PTS Publication & Distributions Sdn Bhd.
- Dr. Saadan Man (n.d). Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya.
- Dr Tuan Sidek bin Tuan Muda (2020). Beza antara Alkohol dan Arak http://news.ump.edu.my/experts/beza-antara-alkohol-dan-arak_pada_26_Mac_2020.
- Dr. Wahab Zuhaili (1986). Usul al-Fiqh al-Islami. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Dr. Wahab Zuhaili (2011). Al-Mutamad' fi Fiqh Al-Syafie. Damsyik: Dar Qalam.
- Dr. Wahab Zuhaili (2012). Mau'suk' Al-Fiqh Islami' Wa Qadaya Muassirah. Damsyik: Dar Al-Fikri.

- Drahansky, M., Paridah, M., Moradbak, A., Mohamed, A., Owolabi, F., Asniza, M., & Ab Khalid, S. H. (2016). We are Intechopen, the world's leading publisher of Open Access Books Built by Scientists, for Scientists Top 1%. *Intech i(tourism)*,13.
- Dreno, B., Zuberbier, T., Gelmetti, C., Gontijo, G., & Marinovich, M. (2019). Safety review of phenoxyethanol when used as a preservative in cosmetics. *Journal of the European Academy of Dermatology and Venereology*, 33(S7), 15–24.
- Dumitrascu, T., Paul, R., Kingston, R., & Williams, R. (2018). Influence of alcoholcontaining and alcohol-free cosmetics on FAEE concentrations in hair. A performance evaluation of ethyl palmitate as sole marker, versus the sum of four FAEEs. *Journal Forensic Science International*, 283, 29-34.
- English Oxford Living Dictionaries <https://www.oed.com/>.
- Fauzi, F.F. (2013). Analisis Biaya Produksi Penggantian Bahan Baku Produksi Etanol di Pt. Medco Ethanol.
- Fibriari, I., Gunawan, G., & Hastuti, R. (2012). Pengkayaan Alkohol Ciu Bekonang dengan Metode Destilasi Adsorptif menggunakan Zeolit Alam dan Silika Gel. *Jurnal Kimia Sains dan Aplikasi*, 15(3), 79-83.
- Ghani, Ab. A., & Ismail, S. M. (2010). Penentuan Piawaian Alkohol dalam Makanan yang Dibenarkan diri Perspektif Islam. *Jurnal Fiqh.*, 7, 277-299.
- Gross, D. F. (2015). Skin care products containing multiple enhancers. 2(12), 12.
- G. Wade, L. (2015). Isopropyl alcohol Chemical Compound. Encyclopedia Britannica.
- Hajjah Saimah Mukhtar (2009). Alkohol. *Bultein Halal*, 12-13.
- Hamid, A. A. N., & Hassim, H. M. (2019). *Pengguna dan Kosmetik Halal: Perspektif syariah*, Kertas kerja ini dibentangkan 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019) pada 24 September 2019. Anjuran Kolej Universiti Islam Selangor.
- Hardoyono, F. (2017). Penelitian dan Pengembangan Sensor Aromatik Sebagai Alat Deteksi Alkohol Pada Parfum dan Wewangian untuk autentikasi Produk Parfum Halal. *Jurnal Penelitian Agama*, 18(2), 302-322.
- Hidayat, A. (2017). Metode Penelitian: Pengertian, Tujuan, Jenis.
- Hills, G., & Ag, D. (2003). Industrial use of lipases to produce fatty acid. 105, 601–607.
- Ibn Manzur (1993). Lisan Al-Arab. Beirut: Muassasah al-Tarikh al-Arabi'.

Izhar, M., Mohd, A., Majid, L. A., Haimi, A., Adnan, M., & Muhammad, A. Bin. (2017). Principles Regarding the Use of Haram (Forbidden) Sources in Food Processing: A Critical Islamic Analysis. *11(22)*, 17–25.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <https://www.islam.gov.my/en/>.

Jaludin, O. R., Man, S., & Baharuddin. (2018). Isu-Isu Halal Dalam Aplikasi Bioteknologi Terhadap Produk Farmaseutikal Terpilih. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 82-101.

Jamaludin, M. A., Hashim, D. M., Rahman, R. A., Ramli, M. A., Majid, M. Z. A., Othman, R. and Amin. A. (2016). Determination of permissible alcohol and vinegar in Shariah and scientific perspectives. *International Food Research Journal*, 23(6), 2737-2743.

Jamaludin, M. A., Ramli, M. A., Hasim, M. D., & Ab. Rahman, S. (2011). Isu Penggunaan Alkohol Dalam Penghasilan Produk Gunaan Semasa: Analisis dari Perspektif Hukum Islam.

Jamaludin, M. A., & Ramli, M. A. (2012). Aplikasi Istihalah dalam Produk Berasaskan Alkohol: Satu Pendekatan Integratif.

Joseph, H. G. & Lay, A. (2013). Karakterisasi Produk Etanol dari Aren. *Jurnal Palma*, 14(1), 1–5.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (KDB), <http://lamanweb.dbp.gov.my/>.

Kassam, Z. (2016). Should you Worry if Alcohol is in your Skincare Products. *Journal Harley Street Emporium*.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), <https://www.moh.gov.my/>.

Lanigan, L. (2001). Final report on the safety assessment of Methyl Alcohol. *International Journal of Toxicology* 20,57-85.

Lautenschlager, D. H. (2017). Glycols in skincare Preparations and Dermatics. *Medical Beauty*, 14-18.

Liebert, M. A. (1985). Final Report on the Safety Assessment of Butylene Glycol, Hexylene Glycol, Ethoxydiglycol. *Journal of the American College of Toxicology*, 4(5).

Mahaiyadin, M. H., & Osman, M. R. (2017). Kesan Penerimaan Aplikasi Istihalah Terhadap Hukum Produk Yang Mengandungi Derivatif Muharramat. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 10(1), 101-119.

Marchwińska, Gwiazdowska, D. and Katarzyna (2017). Cosmetic Products Development. *Journal ESUS Tomasz Przybylak*. 7-19.

Martin Ferreira, L., Binz, T., & Yegles, M. (2012). The Influence of Ethanol Containing Cosmetics on Ethyl Glucuronide in Hair. *Forensic Science International*, 21(8), 123-125.

- Mary Ann Liebert (1985), Final Report on the Safety Assessment of Butylene Glycol, Hexylene Glycol, Ethoxydiglycol, and Dipropylene Glycol. *Journal of The American College of Toxicology*. 4(5), 223-248.
- Muchtar Ali (2016). Konsep Makanan Halal Dalam Tinjauan syariah Dan Tanggungjawab Produk Atas Produsen Industri Halal. 291-306.
- Muhammad Ibn Isma'il (2001). Sahih Al-Bukhari. Beirut: Dar Tawq Al-Najat.
- Muhammad Ibn Jarir al- Tabari (2000). Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran. Beirut: Mu'assassat Al-Risala.
- Muhammad Rawas Qal'arji (1996). Mu'jam Lughah al- Fuqaha'. Beirut: Dar al-Nafais.
- Muhammad Salam Madzkur (1972). Mabahits al-Hukm 'inda Al- Ushuliyin. Mesir: Dar al-Nahdlah Al-Arabiyyah.
- Muhammad, Z., Salleh, Md. H. M. H., & Mahmood, M. A. (2008). Halal: Antara Tuntutan Agama dan Strategi Ekonomi. 1-29.
- Mulaina, D. (2014). Analisis Kadar Alkohol dalam Obat Batuk Sirup yang beredar di Kota Pematang. 1-13.
- Najiha, A. A., & Wan, W. A. (2014). Alkohol (Arak dan Etanol) dalam Makanan Halal. 9, 40–51.
- Najiha, A., Fatimah, U., Zainal, U., Othman, M., & Abdul, R. (2018). Overview of the Halal Food Control System in Malaysia. *Food Control*, 90, 352- 363.
- Nor, M. H., & Man, N. A. A. (2008). Qarinah: Kajian Penggunaan Alat Pengesan Alkohol di Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Jurnal Undang- Undang dan Masyarakat*, 12.
- Nor, M. N., Zaid, M. H. S., Shamsuddin, J. M. M., & Jamaluddin, A. M. (2019). Analisis Hukum Ramuan Allantoin dalam Produk Kosmetik. *International Journal of Islamic Studies*, 15(1), 23-35.
- Noor, M. L., Mat, R. S., Dhiaudin, N. & Arifin, A. (2018). Alkohol: Definisi, Pengharaman, Metabolisme Dan Kegunaannya. *The Malaysian Jurnal of Islamic Sciences*, 23, 98-114.
- Noor, U. M. (2017). Irsyad Al-Fatwa Siri ke-185: Menggunakan Alkohol Swab dan Minyak Wangi Beralkohol <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/953-irsyad-al-fatwa-siri-ke-185-menggunakan-alkohol-swab-dan-minyak-wangi-beralkohol> pada 9 Mac 2017.
- Noor Hidayah Mohd Noor (2019). Produk Kecantikan Atau Produk Kosmetik? <http://www.myhealth.gov.my/produk-kecantikan-atau-produk-kosmetik/> pada 22 Ogos 2019.

- NPRA. (2020). List of Substances Which Must Not from Part of the Composition of Cosmetic Products, Annex II. National Pharmaceutical Regulatory Agency, Ministry Of Health Malaysia.
- Nur Liyana Faqihah (2020). Penggunaan Alkohol Dalam Perubatan <http://media.hacademy.my/penggunaan-alkohol-dalam-perubatan/> pada 10 Jun 2020.
- Nur, H., Mohd-Naim, N. F., Nazurah, N., & Uddin, M. (2016). Trends in Food Science and Technology from market to food plate: Current trusted technology and inovations in Halal Food Analysis. *Trends in Food Science & Technology*, 58, 55-68.
- Okamoto, T., Tomomasa, S., & Nakajima, H. (2016). Preparation and Thermal Properties of Fatty Alcohol/Surfactant/Oil/Water Nanoemulsions and Their Cosmetic Applications. *Journal of Oleo Science*, 65(1), 27–36.
- Ospina, S. (2004). Qualitative Research. *Encyclopedia of Leadership*, 1–13.
- Paula, H., Hübner, N., Assadian, O., Bransmöller, K., Baguhl, R., Löffler, H., & Kramer, A. (2017). American Journal of Infection Control Effect of hand lotion on the effectiveness of hygienic hand antisepsis: Implications for practicing hand hygiene. *AJIC: American Journal of Infection Control*, 45(8), 835–838.
- Pedroja, C. (2018). Propanediol in Cosmetics: Is it Safe <https://www.healthline.com/health/propanediol> pada 1 Oktober 2018.
- Pandey, D., & Wasule, D. (2017). Evaluation of sugar alcohol: Humectant in skin care cosmetic. *European Journal of Pharmaceutical and Medical Research*, 4(2), 715–718.
- PMWP. (2019). Bayan Linnas Siri Ke-189: Maqasid Syariah Dalam Perubatan <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan> pada 3 Julai 2019.
- Prof. Dr. H. Nasaruddin Umar (2014). Mendekati Tuhan Dengan Kualitas. Jakarta: PT Elex Media Komoutinda.
- Prof Madya Dato' Dr Mohd Asri Zainul Abidin (2020). Apakah Alkohol Najis <https://mufti.perlis.gov.my/index.php/minda-mufti/307-apakah-alkohol-najis> Pada 11 April 2020.
- Pulchritude, N. (2014) Preservatives in Natural Products: Benzyl Alcohol <https://naturespulchritude.wordpress.com/2014/05/06/preservatives-in-natural-products-benzyl-alcohol/> pada 6 Mei 2014.
- Qardawi, Y. (1998). Halal & Haram Dalam Islam. Kuala Lumpur: Penerbit Jasmin Enterprise.

- Rafika Dwi Rahmah (2019). Alcohol and Khamr in Fiqh Based on Science Perspective. *International Journal of Islamic Studies and Humanities*, 2(1), 1-10.
- Ramadani, S., syariah, F., Hukum, D. A. N., & Makassar, U. I. N. A. (2018). Hukum penggunaan alkohol sebagai pelarut (solvet) dalam obat batuk ditinjau dari hadis nabi.
- Rosele, M. I., Syed Jaafar, S. M., & Ramli, M. A. (2013). Prinsip-Prinsip Halal Dan Haram Menurut Yusuf Al-Qaradawi. *Jurnal Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*, 118–125.
- Saad Al-Murazi (2018). Fiqh Al-Janayah. Kuantan.
- Saiyasombati, P., & Kasting, G. B. (2003). Disposition of Benzyl Alcohol after Topical Application to Human Skin In Vitro. 92(10), 2128–2139.
- Scheid, J., Nussenzweig, M., Bjorkman, P. J., & Diskin, R. (2014). Human Immunodeficiency Virus Neutralizing Antibodies and Methods of use Thereof.
- Shashkov, P., Khomutov, G., & Yerokhin, A. (2012). Insulated Metal Substrate. *United States Patent*. 2(12), 3.
- Shohaimi, S. N., Salleh, M. F. B., & Farok, M. I. (2018). Panduan Penggunaan Obat-Obatan dari Perspektif Islam. Selangor: Edisi Pertama.
- Simplicite (2016). Ingredients we won't use <https://simplicite.com.au/pages/ingredients-we-wont-use>.
- Sirilun, S., Chaiyasut, C., Sivamaruthi, B. S., Peerajan, S., Kumar, N., & Kesika, P. (2017). Phenethyl alcohol is an effective non-traditional preservative agent for cosmetic preparations. *Asian Journal of Pharmaceutical and Clinical Research*, 10(8), 129–133.
- Song, C. W., Rathnasingh, C., Park, J. M., Lee, J., & Song, H. (2018). Isolation and evaluation of Bacillus strains for industrial production of 2,3-butanediol. *Journal of Microbiology and Biotechnology*, 28(3), 409–417.
- Soraya Santi, S. (2008). Pembuatan Alkohol Dengan Proses Fermentasi Buah Jambu Mete Oleh Khamir Sacharomices Cerevesiae. *Jurnal Penelitian Ilmu Teknik*, 8(2), 104–111.
- Sri Hartini (2017). Studi Komparatif Hukum Pidana Islam dan Hukum Positif Terhadap sanksi pidana bagi Pelaku Makanan Dan Minuman yang Alkohol yang tidak sesuai dengan Standar Kesehatan.
- Stoffels, K. M. (2012). Modern and safe antimicrobial stabilization of cosmetic products. *Household and Personal Care Today*, (11), 18–21.

- Sulaiman, A. A. (2013). An Assessment of The Effects of Alcoholism on Drunkards in Keffi Local Government Area of Nasarawa State, Nigeria: Islamic Perspective. *European Scientific Journal*, 9(2), 215-231.
- Syariena, A., & Puziah, H. (2014). Rapid Determination of Residual Ethanol in Perfumery Products Using Headspace Gas Chromatography-Mass Spectrometry. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 22(3), 432–437.
- Syu, M. J. (2001). Biological production of 2,3-butanediol. *Applied Microbiology and Biotechnology*, 55(1), 10–18.
- T. Mitsui (1997). *New Cosmetics Science*. The Netherlands: Elsevier Science.
- Tarmizi, M. S., Sulaiman, I., & Ibrahim, H. (2014). The Prophetic Tradition and Nutrition: Issue of Mixing Raisins and Dates. *Journal of Research in Islamic Studies*, 1(2), 78-88.
- Umi Hani (2020). Pemakaian Alkohol Pada Obat Batuk Sirup Berdasarkan 4 Mazhab. *Al-Ulum Ilmu Sosial dan Humaniora*, 6(1), 60-74.
- Vieira, R. P., Fernandes, A. R., Kaneko, T. M., Consiglieri, V. O., Aparecida, C., Oliveira, S. De., & Velasco, R. (2009). Physical and physicochemical stability evaluation of cosmetic formulations containing soybean extract fermented by *Bifidobacterium* animals. 45.
- Wahab, H. A., & Azhar, A. (2014). Halalan Tayyiban Dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *Jurnal syariah*, 26(1), 103–120.
- Wegner, R. J., & Littau, A. C. (2018). Foaming alcohol compositions with selected dimethicone surfactants. *Journal Justika Patents*.
- Winarno (2018). Status Hukum Khamar dalam Perspektif Fiqh. *Asy Syar'iyah: Jurnal Ilmu Syari'ah dan Perbankan Islam*, 3(1), 1-25.
- Zhao, Z., Liu, X., Xing, X., Lu, Y., Sun, Y., Ou, X., ... He, Y. (2016). The activation effects of low-level isopropyl alcohol exposure on arterial blood pressures are associated with decreased 5-hydroxyindole acetic acid in urine. *PLoS ONE*, 11(9), 1–13.
- Zainal Abidin, Z., Mokhtar, R. & Sungit, F. (2016). Maqasid As-syariah dalam Indeks syariah Malaysia - kertas kerja dibentangkan pada Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 22-23 November 2016.

BIODATA PELAJAR

Nur Bahirah binti Baharum dilahirkan di Hospital Mentakab, Temerloh, Pahang pada bulan Jun tahun 1994. Merupakan anak bongsu kepada lapan orang adik-beradik. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda syariah dalam bidang syariah pada tahun 2017 di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Pahang dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) di Kuala Ketil, Kedah. Beliau turut terlibat dalam konferen 'International Conference on Islam, Economy, and Halal Industry 2019' (ICIEHI) di Malang, Indonesia dan '23rd MACFEA National Seminar 2019: Cost of Living Issues and Implication' di Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau juga pernah melibatkan diri sebagai penceramah dalam Program Halal Cilik di Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia pada tahun 2018 dan 2019. Kini, beliau telah menyambung pelajaran beliau diperingkat Ijazah Sarjana dalam bidang syariah dan Produk Halal di Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.

SENARAI PENERBITAN

Jurnal Penerbitan

Baharum, N.B., Awang, M.D., Arshad, S., dan Abd Gani, S.S. 2020. A Study of Literatures: Status of Alcohol in Cosmetics Products from Shariah Views in Malaysia, *KnE Social Sciences*: 379–393.

Baharum, N.B., Awang, M.D., Arshad, S., Abd Gani, S.S. 2020. Shariah and Alcohol Issue, *Jurnal Pengguna Malaysia*: 111.

Baharum, N.B., Awang, M.D., Arshad, S., dan Abd Gani, S.S. 2020. Kajian Literature: Konsep Alkohol Menurut Islam, *Jurnal Al-Sirat*: 33-40.

Bab dalam Buku

Baharum, N.B., Awang, M.D., Arshad, S., dan Abd Gani, S.S. 2019. A Study of Literatures: Status of Alcohol in Cosmetics Products from Shariah Views in Malaysia. *Isu-isu Halal syariah, Sains & Ekonomi Islam*. Serdang: Penerbit UPM, hh. 31-49.

Konferensi

1. International Conference on Islam, Economy, and Halal Industry 2019 (ICIEHI) di Malang, Indonesia.
2. 23rd MACFEA National Seminar 2019: Cost of Living Issues and Implication di Universiti Putra Malaysia (UPM).



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : SEMESTER 2020/2021

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

STATUS HALAL ALKOHOL DALAM PRODUK KOSMETIK BERJENAMA DI MALAYSIA

NAMA PELAJAR : NUR BAHIRAH BINTI BAHARUM

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)



SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)



AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :



PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)

No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)

Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]